

Newspaper	Berita Harian
Date	5 October 2015



Najib dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed menyaksikan pertukaran dokumen perjanjian di Milan, semalam. (FOTO BERNAMA)

## Ekspo Milano 2015 berbaloi

» Pavilion Malaysia catat 2.4 juta pengunjung, jualan RM7.1j

Zaharah Othman



Milan

**D**atuk Seri Najib Razak berpuas hati dengan penyertaan Malaysia pada Ekspo Milano 2015 yang mencatat 2.4 juta pengunjung dengan nilai jualan makanan mencecah RM7.1 juta, manakala produk perusahaan kecil sederhana melebihi RM1 juta.

Perdana Menteri berkata, pemilihan pavilion Malaysia

sebagai lokasi pilihan ketiga paling popular dikunjungi pada ekspo itu, juga menunjukkan penyertaan negara berbaloi, khususnya dalam mempromosikan produk Malaysia.

"Ia adalah satu keputusan yang baik untuk mempromosi dan meningkatkan profil Malaysia di Eropah.

"Kita perlu melakukannya dengan cara lebih menyeluruh dan bersepadu untuk meningkatkan lagi profil negara," katanya pada sidang media sebelum berangkat pulang ke tanah air di sini, semalam.

Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor berada di Milan untuk lawatan kerja tiga hari atas undangan Perdana Menteri Itali, Matteo Renzi, untuk melawat Ekspo Milano 2015.

**Pelaburan jangka panjang**  
Najib berkata, penyertaan ekspo antarabangsa itu adalah pe-

laburan jangka panjang untuk memasarkan produk serta meletakkan imej negara di persada antarabangsa dan tidak seharusnya berharap untuk mendapat pulangan segera.

Mengulas lanjut mengenai kajian akhbar terkemuka Itali, *Corriere della Sierra* yang meletakkan pavilion Malaysia sebagai lokasi pilihan ketiga paling popular pada ekspo itu, Perdana Menteri berkata, ia berita baik kepada industri pelancongan negara.

Katanya, kaji selidik berkenaan mempunyai kesan sangat tinggi kepada negara, khususnya sektor pelancongan apabila meletakkannya pada kedudukan ketiga daripada 147 negara yang mengambil bahagian.

"Dari segi makanan, kajian itu juga meletakkan pengeluaran makanan Malaysia sebagai ketiga paling lazat selepas Itali dan Columbia," katanya.

**Pelabur Itali yakini negara**  
Sementara itu, ketika mesyuarat meja bulat dengan ketua industri Itali, kelmarin, Perdana Menteri berkata, pelabur Itali terus yakin dengan Malaysia seperti yang dibuktikan menerusi keputusan untuk terus mengembangkan dan mempelbagaikan operasi mereka di negara ini.

Najib berkata, meskipun perdagangan dua hala meningkat dengan ketara dan pelaburan Itali juga berkembang pesat dalam tempoh singkat, beliau berharap Rome dan Kuala Lumpur terus bekejasama raih mantaat bersama.

"Pelabur Itali mempunyai operasi kukuh di Malaysia. Kami berbangga memiliki syarikat terkemuka Itali seperti Versalin, AugustaWestland, Alfa Gomma, Galperti Group, Nicotra Fans ans Blowers dan Marelli Motori beroperasi di Malaysia," katanya.